

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HMT 321/401 Semantik Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **LIMA** [5] soalan sahaja. Soalan No. 1 **WAJIB** dijawab.

Sila tulis nombor soalan secara berurutan pada muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan dijawab atau tidak.

1. Di dalam semantik ditemui adanya hubungan makna di antara satu kata dengan kata yang lain. Hubungan makna tersebut pelbagai, seperti: sinonim, antonim, polisim, homonim, hiponim, homofon dan homograf. Huraikan setiap hubungan makna dengan 5 contoh ayat setiap hubungan makna. Gariskan perkataan yang dimaksudkan.

[40 markah]

2. Apakah takrifan ‘makna tematis’ dan beri 5 contoh dan dari 5 contoh ini pecahkan setiap ayat dengan tanda jeda (/) atau tanda baca yang mengakibatkan maknanya berbeza.

[15 markah]

...2/

3. Teliti petikan yang berikut ini:

Bahasa ialah sistem lambang bunyi yang sewenang-wenang, yang digunakan oleh para anggota sesuatu masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan mengidentifikasi diri.
(Harimurti, 1993: 21).

Beriuraian sehingga petikan ini jelas makna keseluruhannya.

[15 markah]

4. Cipta 10 ayat yang setiap satu mengandungi makna denotasi dan makna konotasi. Bincangkan setiap satu dan beri kesimpulan umum terhadapnya.

[15 markah]

5. Perhatikan contoh yang berikut ini:

Kainnya tidak begitu cantik. (Nor Hashimah, 1992: 22).

Sila selesaikan makna ayat yang taksa di atas dengan cara pragmatik.

[15 markah]

6. Dengan menggunakan 10 ayat yang anda cipta sendiri, sila bincangkan ‘makna’, ‘erti’ dan ‘maksud’ bagi setiap ayat dengan penjelasannya sekali.

[15 markah]